



---

**SURAT EDARAN PENTADBIRAN  
BILANGAN 7 TAHUN 2019**

---

**CUTI TANPA REKOD DENGAN PINDAAN  
SEMPENA PERAYAAN GOOD FRIDAY  
BAGI STAF YANG MENGANUT AGAMA KRISTIAN  
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar  
**14 Mei 2019 | 9 Ramadan 1440H**

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.14.03/100-3/2/3 ( 16 )

14 MEI 2019  
9 RAMADAN 1440H

## SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 7/2019

### **CUTI TANPA REKOD DENGAN PINDAAN SEMPENA PERAYAAN GOOD FRIDAY BAGI STAF YANG MENGANUT AGAMA KRISTIAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Surat Edaran Pentadbiran ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkenaan pemakaian **Surat Edaran JPA.SARAAN (S) 43/35 Jld.9 (13) bertarikh 17 April 2019 iaitu Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Good Friday Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Kristian**. Pihak Universiti melalui kelulusan secara edaran Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bertarikh 19 April 2019 telah bersetuju untuk menerima pakai Surat Edaran tersebut dengan pindaan di UTeM.

2. Sehubungan dengan itu, UTeM telah bersetuju untuk melaksanakan pemberian kemudahan Cuti Tanpa Rekod selama satu (1) hari kepada staf yang beragama Kristian sempena perayaan Good Friday. Bagi menikmati kemudahan ini, staf perlu mengisi borang permohonan Cuti Tanpa Rekod dan mengemukakan kepada Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing untuk kelulusan. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini **berkuat kuasa mulai tahun 2019**.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MASDZARIF BIN MAHAT**

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka